



BERTEMU: Abdullah bersama timbalannya, Datuk Seri Najib Razak dan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad ketika menghadiri sesi bergambar sebelum majlis perasmian Mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa MSC (MSC-IAP) di Pulau Pinang, semalam.

Kerajaan perkukuh MSC jadi hab industri ICT

Kira-kira 10.3 juta pengguna internet di Malaysia

BH- 9/9/2005

Oleh Mutazar Abd Ghani, Saufi Hamzah, Hizral Tazif Hisham dan Anwar Patho Rohman

G EORGETOWN: Kerajaan akan mempromosikan Malaysia sebagai pintu masuk ke pasaran global dalam usaha mengukuhkan kedudukan Koridor Raya Multimedia (MSC) sebagai hab Industri Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT).

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata menerusi usaha itu, syarikat beroperasi di Malaysia mempunyai akses pasaran melampaui sempadan negara, termasuk Asean, China, India dan negara Asia Barat.

"Kita akan meninjau cara memperluaskan pasaran produk dan perkhidmatan ICT di negara berkenaan.

"Malah, beberapa syarikat negara ini mula memasuki pasaran China manakala sebilangan lagi sudah beroperasi beberapa tahun lalu. Pada masa sama, beberapa syarikat multinasional (MNC) menjadikan Malaysia landasan untuk memasuki China.

"Di Asia Barat pula produk MSC

diterima baik sebahagian negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), termasuk Arab Saudi dan Bahrain," katanya ketika merasmikan Mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa MSC (MSC-IAP) di Hotel Equatorial di sini, semalam.

Enam belas ahli dan 19 perwakilan MSC-IAP seluruh dunia menghadiri mesyuarat tiga hari itu dan kali pertama diadakan di luar Cyberjaya.

Mesyuarat tahun ini bertemakan 'ICT Penggerak Masyarakat Berinovasi' selari persiapan Malaysia memasuki fasa kedua Wawasan 2020.

Abdullah berkata, pembangunan Industri Kandungan Kreatif antara bidang diberi keutamaan dalam usaha menjadikan MSC khususnya dan Malaysia amnya, sebagai destinasi pelaburan ICT terkemuka di rantau ini.

Beliau berkata, syarikat kandungan kreatif terkemuka dunia seperti Disney, Sony, Nintendo, Gameboy, Channel V dan beberapa studio Hollywood ketika ini menawarkan perkhidmatan sumber luar mereka kepada syarikat Malaysia.

"Sementara kita terus mempro-

mosi eksport perkhidmatan kandungan kreatif tempatan, kita juga ingin mempelawa syarikat kandungan kreatif terkemuka untuk beroperasi di negara ini dan menggunakan bakat dan kemudahan tempatan.

"Ini sekali gus membantu perkembangan industri berkenaan dan me-

lahirkan syarikat kandungan tempatan yang ada nilai dan warisan budaya Malaysia, yang boleh diperkembangkan ke pasaran global," katanya.

Perdana Menteri berkata, satu lagi usaha yang diberi tumpuan ialah membangunkan kekuatan kandungan dalam operasi perkhidmatan perkongsian dan sumber luar (SSO) dengan menawarkan pelbagai pakej dan insentif menarik.

Beliau berkata, sejak ditubuhkan sembilan tahun lalu, MSC berjaya menjadi pemangkin pertumbuhan industri ICT negara yang menyaksikan ia berkembang 8.3 peratus pada tahun lalu, lebih tinggi daripada kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 7.2 peratus bagi tempoh sama.

Abdullah berkata, rakyat Malaysia juga mula memasuki gaya kehidupan digital selari dengan pertumbuhan industri ICT.

Sehingga suku pertama tahun ini, dianggarkan kira-kira 10.3 juta pengguna internet di Malaysia manakala kadar capai internet hampir 40 peratus.

FAKTA NOMBOR

Koridor Raya Multimedia

48

Syarikat SSO bertaraf dunia di MSC mewujudkan 11,200 pekerjaan

100

Syarikat kreatif multimedia berstatus MSC mengeksport produk dan perkhidmatan ke seluruh dunia

AS\$1.6b

Jualan syarikat MSC pada 2004